

09/12/2003

LHDN buru peniaga tidak daftar cukai esok

Zainab Mohd Yatim

LEMBAGA Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan menjalankan operasi di premis perniagaan di Lembah Klang esok bagi memastikan syarikat dan peniaga melaksanakan tanggungjawab membayar cukai perniagaan.

Ketua Eksekutif LHDN, Tan Sri Zainol Abidin Abdul Rashid, berkata operasi itu diadakan bagi memastikan sektor perniagaan dan syarikat mendaftar dengan LHDN.

Beliau yakin kira-kira 15 peratus daripada sektor perniagaan di negara ini belum membuka akaun dengan LHDN untuk membayar cukai masing-masing.

"Ia adalah operasi biasa yang dijalankan LHDN bagi meningkatkan asas pembayar cukai dan memastikan masyarakat menjalankan tanggungjawab masing-masing.

"Dalam operasi itu, jika ada peniaga belum membuka akaun, LHDN akan pastikan mereka berbuat demikian dan kami pula akan meneliti akaun sedia ada," katanya selepas majlis perasmian Persidangan Teknikal Pertubuhan Pentadbir Cukai Komanwel (CATA) ke-24 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu disempurnakan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Dr Shafie Mohd Salleh, bagi pihak Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis.

Zainol Abidin memberi jaminan tindakan tidak akan diambil serta-merta kepada pembayar cukai yang ingkar, sebaliknya mereka akan diberi peringatan beberapa kali.

Sementara itu, Shafie berkata tahun ini LHDN dijangka mencatat jumlah pungutan cukai hampir sama dengan yang diperolehi tahun lalu, iaitu RM44.3 bilion.

"Sehingga 30 November lalu, LHDN sudah memungut sejumlah RM40 bilion dan kami yakin dapat mencapai sekurang-kurangnya jumlah yang dicapai tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, LHDN juga dijangka mengesan pembayar cukai yang ingkar menerusi sistem pangkalan data yang sudah dibangunkan di lembaga itu.

Ketua Bahagian Analisis Cukai Kementerian Kewangan, Datuk Kamariah Hussain, berkata kementerian sedang menyiapkan kadar duti eksais kereta yang akan mula dilaksanakan tahun depan.

"Sukar untuk saya menyatakan mengenai perkara ini kerana kementerian masih menyiapkannya. Lebih baik tunggu pengumuman," katanya ketika diminta mengulas perkara berkenaan.

Beliau berkata, butiran terperinci duti eksais itu akan disiapkan selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh kerajaan ketika pembentangan Bajet 2004.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 mengumumkan kerajaan akan mengenakan duti eksais terhadap kereta yang diimport mulai 1 Januari depan.

Pengurangan duti import itu sejajar pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) untuk automotif yang menetapkan kenderaan keluaran Asean dikenakan duti import hanya antara sifar hingga lima peratus.

Ketika ini, duti import untuk kereta penumpang yang diimport adalah antara 140 peratus hingga 300 peratus, tetapi tiada duti eksais.